

ABSTRAK

Kata ganti nama diri merupakan satu aspek yang sangat penting dalam bahasa Melayu. Penggunaan kata ganti nama berbeza mengikut konteks struktur sosial dan situasi. Kebanyakan pelajar Cina di Tingkatan Peralihan yang berasal daripada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina tidak dapat bertutur dan menulis bahasa Melayu dengan betul khususnya dalam penggunaan kata ganti nama.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan analisis kesilapan. Seramai 30 orang pelajar Cina di Tingkatan Peralihan diambil sebagai subjek. Data-data tentang kesilapan penggunaan kata ganti nama dikumpul melalui 60 buah karangan dan satu set ujian. Soalan-soalan dalam ujian kata ganti nama terbahagi kepada 25 soalan berbentuk pilihan dan 5 soalan penterjemahan. Kesilapan penggunaan kata ganti nama dalam karangan dikategorikan mengikut jenis kesilapan, iaitu kesilapan pemilihan, kesilapan penyusunan, ketinggalan dan penambahan.

Daripada data-data yang diperolehi, didapati bahawa kebanyakan pelajar-pelajar yang dikaji belum menguasai bahasa Melayu dengan baik. Sebanyak 110 kesilapan penggunaan kata ganti nama diri ditemui dalam karangan yang dikumpul. Markah yang diperolehi dalam ujian kata ganti nama diri adalah antara 34% hingga 77%.

Kajian ini dapat menggambarkan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang sedang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

ABSTRACT

The personal pronouns represent a very important aspect of the Malay language. The use of personal pronouns, varies according to the social structure and situations. Many Remove Class students from the Chinese vernacular schools find it hard to converse and write in good Malay. This is particularly evident in their use of the personal pronouns.

This research was carried out using the error analysis approach. The subjects are 30 Remove Class Chinese students. The data were collected from 60 essays and a test which comprised of 25 multiple choice questions and 5 translation questions. The errors in the essays were classified into 4 types. These were errors of selection, misordering, omission and addition.

From the data gathered, it was found that most of the subjects had not mastered in the use of Malay personal pronouns. There were 110 errors found in the essays. The score achieved in the test was between 34% and 77%.

This study clearly reflects the problems faced by Chinese vernacular students in the learning of the Malay language as a second language.